

Pecah cermin sebelum bakar

PUTRAJAYA 29 Jan. - Siasatan mengesahkan dalang bertanggungjawab membakar kereta di rumah Penolong Pengarah Kanan Kastam Bahagian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Nor Azman Jini di sini, Rabu lalu bertindak memecahkan cermin kereta sebelum mencurahkan petrol dan membakar kenderaan berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim



(gambar) berkata, kebakaran yang melibatkan empat buah kenderaan milik keluarga pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) itu adalah berpunca daripada perbuatan jenayah.

Beliau berkata, pihak JBPM hanya menjalankan tugas untuk melakukan siasatan terhadap punca kebakaran dan sebarang tindakan lanjut diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana terdapat unsur jenayah.

“Selepas siasatan kita dapati ada perbuatan jenayah dan siasatan lanjut berhubung kes ini diserahkan kepada pihak polis.

“Analisis yang kita jalankan hanya untuk memastikan punca



ANGKARA KHIANAT

ANGGOTA forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat menjalankan siasatan terhadap kenderaan yang hangus dalam kejadian kebakaran di rumah Nor Azman Jini di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

KERATAN Utusan Malaysia 24 Januari 2018.

kebakaran yang berlaku dan kita kenal pasti ada perbuatan jenayah,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Pada 24 Januari lalu, empat kenderaan yang diletakkan di hadapan rumah Nor Azman terbakar dipercayai akibat perbuatan khianat dan ketika kejadian, beliau dan isteri, Noor Hayati Khairuddin serta anak perempuan,

menantu dan dua orang cucu sedang tidur di tingkat atas dan bawah kediaman berkenaan.

Dua kenderaan iaitu Perodua MyVi dan Mercedes Benz milik anak perempuan dan isteri mangsa musnah sepenuhnya, manakala dua lagi iaitu Honda CRV milik mangsa dan Proton Saga milik menantu mangsa terbakar di bahagian depan.